

**PERLEMBAGAAN BAGI  
PERTUBUHAN INDUK**

**BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
(BERKAT)**

**FASAL 1 NAMA**

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama:

**BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA  
MALAYSIA (BERKAT)**

Selepas ini disebut “**Pertubuhan**”

(2) Takrif Nama: **1.1** Pertubuhan ini dikenali dengan nama: **BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT).**  
**1.2** Selepas ini disebut sebagai **BERKAT**

(3) Taraf Pertubuhan : **Kebangsaan**

**FASAL 2. TEMPAT URUSAN**

(1) Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, ARAS 1-8, KOMPLEKS  
KEMENTERIAN KEWANGAN, NO.1 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62594  
WP PUTRAJAYA**

dan alamat surat menyurat adalah

**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA, ARAS 1-8, KOMPLEKS  
KEMENTERIAN KEWANGAN, NO.1 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2,  
62594  
WP PUTRAJAYA**

atau tempat-tempat yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa.

(2) Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

### **FASAL 3. MATLAMAT**

3.1 Menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahli.

### **FASAL 4. KEAHLIAN**

Keahlian BERKAT terbahagi kepada dua kategori:

4.1 Semua anggota yang berkhidmat di Jabatan Akauntan Negara di seluruh Malaysia dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas dan berwarganegara Malaysia adalah secara otomatis menjadi Ahli BERKAT.

4.2 Ahli keluarga terdiri daripada anggota keluarga ahli. Ahli keluarga tidak berhak mengundi dan memegang jawatan dalam BERKAT.

### **FASAL 5. PEMBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI**

5.1 Ahli yang tidak lagi berkhidmat di Jabatan Akauntan Negara atau berhenti dari perkhidmatan perakaunan secara otomatis adalah berhenti daripada menjadi ahli BERKAT.

5.2 Mana-mana ahli yang gagal mematuhi undang-undang BERKAT atau bertindak dengan cara yang akan mencemarkan nama baik BERKAT boleh dipecat atau digantung keahliannya bagi satu tempoh sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa. Sebelum Jawatankuasa memecat atau menggantung ahli tersebut, ahli itu hendaklah diberitahu akan sebab-sebab bagi pemecatan atau penggantungannya secara bertulis. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk memberi penjelasan dan membela dirinya. Pemecatan atau penggantungannya itu hendaklah dilaksanakan melainkan mesyuarat agung menunda atau membatalkan keputusan itu atas rayuan oleh ahli tersebut.

### **FASAL 6. SUMBER KEWANGAN**

6.1 Yuran bagi ahli biasa adalah seperti berikut:

JUSA ke atas	RM20.00 sebulan
Gred 48 – 54	RM10.00 sebulan
Gred 30 – 44	RM 6.00 sebulan
Gred 1 – 29	RM 2.00 sebulan

6.2 Ahli keluarga tidak dikenakan sebarang yuran.



6.3 Bayaran yuran hendaklah dibuat secara potongan gaji.

6.4 Yuran khas atau kutipan wang daripada ahli-ahli untuk perkara yang tertentu boleh dipungut dengan persetujuan Jawatankuasa. Sekiranya ada ahli yang mungkir membayar yuran tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka wang itu akan dianggap sama seperti hutang yuran bulanan.

## **FASAL 7. MESYUARAT AGUNG**

7.1 Pengelolaan BERKAT ini terserah kepada mesyuarat agung ahli-ahli. Sekurang-kurangnya satu perdua (1/2) daripada jumlah ahli atau dua kali bilangan jumlah ahli Jawatankuasa mengikut mana yang terkurang hendaklah hadir di dalam mesyuarat agung bagi mengesahkan perjalanan mesyuarat dan mencukupi korum untuk mesyuarat.

7.2 Jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lebih daripada 30 hari) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa; dan jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam daripada waktu yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu maka ahli-ahli yang hadir berhak menjalankan mesyuarat tetapi tidaklah berkuasa mengubah undang-undang BERKAT dan membuat keputusan-keputusan mengenai semua ahli-ahli.

7.3 Mesyuarat Agung Dwi Tahunan bagi BERKAT hendaklah diadakan dengan secepat mungkin setelah berakhir tahun kewangan tetapi tidak lewat daripada 31 Mei pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa. Kerja-kerja Mesyuarat Agung Dwi Tahunan ialah:

- (a) Menerima laporan Jawatankuasa berkenaan kerja-kerja BERKAT di dalam tahun yang lalu;
- (b) Menerima laporan Bendahari dan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu;
- (c) Melantik Ahli Jawatankuasa untuk tempoh 2 tahun;
- (d) Memilih Pemeriksa Kira-Kira untuk tempoh 2 tahun;
- (e) Menguruskan perkara-pekerja lain yang dibentangkan di dalam mesyuarat itu.

7.4 Setiausaha hendaklah menghantar kepada ahli-ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum Mesyuarat Dwi Tahunan diadakan, satu agenda termasuk peringatan mesyuarat dan laporan beserta dengan penyata kira-kira BERKAT bagi tahun yang lalu yang telah diaudit. Salinan surat-surat agenda dan juga laporan berkaitan dengan mesyuarat boleh juga dibekalkan untuk dibaca oleh ahli-ahli di tempat urusan BERKAT atau pada hari mesyuarat diadakan.

7.5 Mesyuarat Agung Khas bagi BERKAT ini boleh diadakan:

- (a) bila difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa, atau
- (b) atas permintaan beramai-ramai dengan secara bertulis oleh tidak kurang daripada 5% jumlah ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan tujuan dan sebab mengadakannya. Permintaan itu hendaklah dihantar kepada Setiausaha Pertubuhan.

7.6 Mesyuarat Agung Khas yang diminta oleh ahli-ahli hendaklah diadakan pada satu tarikh di dalam tempoh satu bulan dari tarikh penerimaan permintaan mesyuarat itu.

7.7 Pengumuman dan agenda untuk Mesyuarat Agung Khas itu hendaklah diedarkan oleh Setiausaha kepada semua ahli sekurang-kurangnya 14 hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk bermesyuarat.

7.8 Fasal 7.1 dan 7.2 di dalam undang-undang ini berkenaan korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Dwi Tahunan boleh digunakan untuk Mesyuarat Agung Khas, tetapi dengan syarat jika korum tidak mencukupi selepas setengah jam dari waktu yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli itu maka mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan dalam masa 6 bulan dari tarikh ini, Mesyuarat Agung Khas atas permintaan ahli-ahli dengan tujuan yang sama tidaklah boleh diadakan.

## **FASAL 8. JAWATANKUASA**

8.1 Pengerusi BERKAT secara otomatis disandang oleh Ketua Perkhidmatan Perakaunan.

8.2 Timbalan Pengerusi hendaklah dilantik oleh Pengerusi dari kalangan Timbalan Akauntan Negara, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, dan Penolong Bendahari adalah dilantik oleh Pengerusi.

8.3 Pemegang-pemegang jawatan BERKAT ini dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas eksekutif dalam BERKAT ini hendaklah terdiri dari Warganegara Malaysia.

8.4 Seramai 6 orang Ahli Jawatankuasa Biasa dipilih dalam Mesyuarat Agung Dwi Tahunan.

8.5 Tugas Jawatankuasa ialah mengelola dan mengatur kerja-kerja harian BERKAT dan Membuat keputusan atas perkara-perkara mengenai perjalanan BERKAT dengan tidak terkeluar dari dasar umum yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.



8.6 Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali di dalam 3 bulan dan 7 hari pengumuman bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah diberikan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa. Pengerusi dengan bersendirian, atau bersama-sama Ahli Jawatankuasa boleh memanggil supaya diadakan mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa. Sekurang-kurangnya tujuh daripada bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah hadir bagi mengesahkan perjalanan dan mencukupkan korum mesyuarat.

8.7 Jika timbul perkara mustahak yang berkehendakkan kelulusan Jawatankuasa dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Setiausaha boleh menerima kelulusan daripada Jawatankuasa dengan surat pekeliling. Syarat-syarat berikut hendaklah disempurnakan sebelum keputusan Jawatankuasa boleh dianggap sebagai telah diterima:

- a) Masalah yang dibangkitkan itu hendaklah dibutirkan dengan terang di dalam surat pekeliling yang dihantar kepada tiap-tiap Ahli Jawatankuasa;
- b) Sekurang-kurangnya tujuh daripada bilangan Ahli-ahli Jawatankuasa mestilah menyatakan persetujuan atau bantahan mereka kepada cadangan itu; dan
- c) Sebarang keputusan yang didapati melalui surat pekeliling hendaklah dilaporkan oleh Setiausaha kepada mesyuarat Jawatankuasa kemudiannya untuk dicatatkan di dalam peringatan mesyuarat.

8.8 Ahli Jawatankuasa yang mungkir dari menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang memuaskan akan disifatkan sebagai telah meletakkan jawatan di dalam Jawatankuasa.

8.9 Jika seseorang Ahli Jawatankuasa meninggal dunia, atau meletak jawatan, Jawatankuasa boleh melantik ahli yang lain bagi memenuhi kekosongan.

8.10 Jawatankuasa boleh memberi arahan kepada Setiausaha dan Pegawai-pegawai lain untuk menjalankan urusan BERKAT dan melantik pengurus dan anggota yang difikirkannya mustahak. Ia boleh menggantung atau melucutkan jawatan sebarang pengurus atau anggota kerana cuai di dalam pekerjaan, curang, tidak cekap, ingkar, menjalankan keputusan Jawatankuasa, atau kerana sebab-sebab yang difikirkan boleh merosakkan kepentingan BERKAT.

8.11 Jawatankuasa boleh menubuhkan Jawatankuasa Kecil jika difikirkan mustahak dan memberikan kewajipan khas kepada sebarang Ahli Jawatankuasa.

## **FASAL 9. KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI**

9.1 Pengerusi dalam jawatannya, hendaklah menjadi Pengerusi semua mesyuarat dan semua mesyuarat Jawatankuasa dan bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan semua mesyuarat. Ia mempunyai kuasa pemutus dan hendaklah ia menandatangani peringatan mesyuarat bila telah diluluskan.

9.2 Timbalan Pengerusi hendaklah memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi.

9.3 Setiausaha hendaklah menjalankan kerja-kerja BERKAT mengikut undang-undang dan hendaklah ia menjalankan perintah-perintah Jawatankuasa. Ia bertanggungjawab menguruskan hal-hal surat- menyurat dan menyimpan semua buku-buku, surat-surat dan kertas-kertas kecuali kira-kira dan buku-buku kewangan. Ia hendaklah hadir di dalam semua mesyuarat dan membuat catitan-catitan. Setiausaha hendaklah mengadakan buku daftar bagi ahli-ahli dan menjalankan tugas-tugas yang patut diselenggarakan oleh Setiausaha.

9.4 Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha menjalankan kerja-kerjanya dan memangku jawatan ini semasa ketiadaan Setiausaha.

9.5 Bendahari adalah bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan BERKAT. Ia hendaklah membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab atas kebetulannya.

9.6 Penolong Bendahari bertanggungjawab untuk membantu Bendahari menguruskan semua hal-hal kewangan BERKAT. Ia hendaklah membantu membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan dengan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab atas ketepatannya.

9.7 Ahli Jawatankuasa Biasa hendaklah membantu Jawatankuasa untuk menjalankan aktiviti-aktiviti BERKAT.

## **FASAL 10. KEWANGAN**

10.1 Disyaratkan kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bagi undang-undang ini, BERKAT boleh menerima sumbangan selain daripada yuran ahli dan wang BERKAT ini boleh digunakan untuk perkara yang berfaedah bagi menjalankan tujuan-tujuan BERKAT termasuklah belanja pentadbiran, bayaran gaji, pembiayaan dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan kakitangan yang bergaji dan upah memeriksa kira-kira.

10.2 Bendahari dibolehkan menyimpan wang runcit tidak lebih daripada RM500.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Sahaja) pada sesuatu masa. Wang yang lebih daripada jumlah itu mestilah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujui oleh



Jawatankuasa. Akaun bank hendaklah di atas nama Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan Akauntan Negara Malaysia atau BERKAT.

10.3 Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang dari akaun BERKAT hendaklah ditandatangani oleh dua orang daripada pemegang jawatan berikut iaitu:

Pengerusi

Timbalan Pengerusi

Setiausaha

Bendahari

10.4 Perbelanjaan yang tidak melebihi daripada RM1,000.00 bagi sesuatu masa boleh diluluskan oleh Pengerusi atau semasa ketiadaannya Timbalan Pengerusi. Perbelanjaan yang melebihi RM1,000.00 bagi sesuatu masa boleh dilakukan dengan mendapat kelulusan Jawatankuasa.

10.5 Penyata darihal wang yang diterima dan dibelanjakan beserta kunci kira-kira bagi setahun hendaklah disediakan dan diperiksa oleh Pemeriksa Kira-kira mengikut fasal 12 undang-undang ini dengan seberapa segera setelah tamat tahun kewangan. Penyata kira-kira yang telah diaudit itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Jawatankuasa, salinan-salinannya hendaklah boleh diperolehi untuk makluman ahli dari alamat yang berdaftar atau dari tempat mesyuarat BERKAT.

10.6 Tahun Kewangan Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan Akauntan Negara Malaysia (BERKAT) adalah dari 1 Januari dan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

## **FASAL 11. JURUAUDIT**

11.1 Dua orang atau lebih yang bukannya daripada Ahli Jawatankuasa BERKAT boleh dipilih oleh Mesyuarat Agung Dwi Tahunan sebagai Juruaudit. Mereka akan memegang jawatan selama dua tahun.

11.2 Juruaudit adalah dikehendaki memeriksa kira-kira BERKAT bagi setahun dan membuat laporan atau pengesahan untuk Jatankuasa. Mereka harus juga dikehendaki bila-bila masa oleh Pengerusi memeriksa kira-kira BERKAT bagi mana-mana masa di dalam tempoh jawatan mereka dan membuat laporan kepada Jawatankuasa.

11.3 Sekiranya, setelah disahkan oleh Jawatankuasa, salah seorang atau kedua-dua Juruaudit tidak dapat menjalankan tugas-tugas dengan sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, maka Pengerusi hendaklah melantik seorang atau dua orang Juruaudit bagi memenuhi kekosongan tersebut.

## **FASAL 12. PENTADBIR HARTA**

Tiada.

## **FASAL 13. TAFSIRAN UNDANG-UNDANG**

13.1 Di antara berlangsungnya mesyuarat agung, Jawatankuasa boleh memberikan tafsirannya kepada undang-undang ini dan Jawatankuasa, jika mustahak, boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.

13.2 Kecuali perkara-perkara yang bertentangan atau tidak selaras dengan dasar yang telah dibuat dalam mesyuarat agung, keputusan Jawatankuasa terhadap ahli-ahli adalah muktamad jika tidak diubah oleh keputusan mesyuarat agung.

## **FASAL 14. PENASIHAT/PENAUNG**

Tiada.

## **FASAL 15. LARANGAN**

15.1 BERKAT atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan di dalam undang-undang Kesatuan Sekerja 1959.

15.2 BERKAT tidak boleh menjalankan kegiatan sebagai pertubuhan-pertubuhan faedah bersama seperti tercatat di Sekysen (2) dalam Akta Pertubuhan 1966.

## **FASAL 16. PINDAAN PERLEMBAGAAN**

16.1 Undang-undang ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan mesyuarat agung. Permohonan untuk perubahan atau pindaan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 60 hari dari tarikh keputusan mesyuarat agung meluluskan perubahan atau pindaan itu. Pindaan hanya boleh dikuatkuasakan mulai daripada tarikh perubahan atau pindaan itu diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.



## FASAL 17. PEMBUBARAN

17.1 BERKAT boleh dibubarkan secara sukarela dengan persetujuan tidak kurang daripada tiga perlima (3/5) daripada jumlah ahli yang menghadiri dalam suatu mesyuarat agung yang dipanggil khas kerananya.

17.2 Sekiranya BERKAT hendak dibubarkan secara yang disebutkan di atas, maka segala hutang dan tanggungan BERKAT yang sah mengikut undang-undang hendaklah dijelaskan dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan mengikut cara yang dipersetujui dalam mesyuarat agung berkenaan.

17.3. Kenyataan bersabit dengan pembubaran itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu.

## FASAL 18. BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA



### Keterangan:

Logo ini menggunakan warna asas Jabatan Akauntan Negara Malaysia iaitu Biru dan Merah. Secara umumnya melambangkan Kerjasama, Menyayangi dan Perpaduan yang utuh dikalangan warga BERKAT.

### Warna:

Biru - Perpaduan, Ketenangan, warna kehidupan dan kesejahteraan;

Merah - Bersedia membantu dan membimbing.

### Perkataan BERKAT :

Singkatan kepada Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan Akauntan Negara Malaysia

## 2 Elemen Tangan Bersalam :

Simbolik kepada AHLI yang bersedia membantu, membimbing dan berkhidmat serta menghulurkan bantuan secara terus apabila diperlukan kepada ahli BERKAT, saling prihatin dan menyayangi. Simbolik kepada ada Tangan yang memberi dan ada tangan yang menerima.

## Segitiga Ke Atas :

Sebagai mercu menuju kearah kehidupanyang lebih baik. Simbolik kepada bumbung iaitu sebagai suatu badan yang sentiasa melindungi dan menghulurkan bantuan kepada semua ahli.

## **FASAL 19. KUASA BERKAT**

19.1 Menerima bantuan, tajaan, sumbangan, derma atau geran dari mana-mana pihak samada Kerajaan, korporat, atau individu bagi menjalankan aktiviti BERKAT.

19.2 Menderma, memberi sumbangan, mengeluarkan atau membelanjakan wang dengan apa jua cara yang diluluskan oleh Jawatankuasa.

19.3 Mencetak, menerbitkan, mengedar sebarang penerbitan, makalah, artikel, buku yang berkaitan dengan kegiatan BERKAT untuk ahli-ahli.

19.4 Memiliki, menjual, membeli, menyewa atau memajak harta alih dan tak alih; membuat sebarang pelaburan ke atas harta tersebut, atau dalam bon dan saham yang dibenarkan; menubuhkan syarikat perniagaan dan membuat pelaburan modal perniagaan, menubuhkan konsortium, koperasi; meminjam dari institusi kewangan berdaftar; membuat urusaniaga dan memeterai sebarang kontrak atau tender; menerima sumbangan, bantuan, dana dari pihak Kerajaan atau swasta; dengan syarat hasil semua aktiviti ini hanya digunakan untuk kemajuan BERKAT dan ahlinya.



.....  
**EBA JUIATA BINTI TAIB C.A. (M)**  
Setiausaha BERKAT



.....  
**DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN C.A. (M)**  
Pengerusi BERKAT

Kelulusan pindaan pada: 23 MEI 2017